

Pemanduan berhemah bantu jimat petrol, jamin keselamatan

Kenaikan harga bahan api memang memberi impak, khususnya kepada mereka yang menggunakan kenderaan untuk urusan seharian seperti ke tempat kerja, menghantar serta mengambil anak dari sekolah atau syarikat yang menawarkan khidmat penghantar barangan.

Pemandu adalah kunci kepada prestasi kenderaan dengan menggunakan teknik pemanduan lebih cekap boleh mengurangkan kos penggunaan bahan api. Selain itu, kaedah pemanduan yang baik dapat menjamin keselamatan.

Menyedari pentingnya memperkasa pemandu dengan ilmu pemanduan berkesan, Volvo Trucks Malaysia menganjurkan Volvo Malaysia's Fuelwatch Challenge 2012 bertujuan mendidik pemandu menjimatkan penggunaan bahan api.

Kecekapan kawal kenderaan

Pemenang Volvo Malaysia's Fuelwatch Challenge 2012, Roslan Md Ali, 37, mengakui kecekapan mengawal kenderaan boleh membantu pemandu mengurangkan penggunaan bahan api seterusnya membolehkan mereka berjimat.

"Semua bergantung kepada cara pemanduan. Tidak boleh laju sangat dan tidak boleh perlahan sangat kerana ini akan menyebabkan penggunaan bahan api yang banyak atau bahasa mudah, laju sangat boleh sebabkan 'makan minyak'.

"Oleh itu, pemandu perlu tahu tahap kelajuan sewajarnya supaya boleh mengurangkan penggunaan petrol dan pada masa sama, dapat merancang waktu perjalanan. Lebih penting dapat menjimatkan kos bahan api," katanya.

Beliau yang juga pemandu lori kontena di Taipanco Sdn Bhd mengakui sebelum ini tidak pernah memikirkan ketiga-tiga aspek berkenaan, tetapi gembira kerana ilmu ditimba daripada penyertaan dalam cabaran itu dapat dimanfaatkan dalam kehidupan seharian.

Katanya, kini beliau boleh mengagak kadar had laju yang sesuai untuk jarak perjalanan ingin dilakukan serta menentukan kos diperlukan untuk bahan api. Pencapaian itu satu kejayaan serta kepuasan baginya.

Volvo Malaysia's Fuelwatch Challenge 2012 adalah acara anjuran Volvo Trucks Malaysia bertujuan mendidik pelanggan syarikat itu mengenai kecekapan penggunaan bahan api untuk keberkesanan ke arah masa depan lebih mapan.

Syarikat dan pemandu yang berminat dijemput menyertai acara itu yang menguji kemahiran pemandu mengendalikan trak, mempamerkan kaedah pemanduan yang betul serta kemampuan menjimatkan ba-

sesuaian, mereka akan terkejut melihat penjimatan mampu yang dilakukan.

Bagaimanapun katanya, agak sukar untuk menerangkan perkiraan secara matematik, tetapi bagi pemanduan trak atau lori, kadar kelajuan boleh diselaraskan melihat kepada jarum di papan pemuka untuk *rotation per minutes* (rpm).

Bagi had laju yang ideal, gear manual dua atau tiga, tidak boleh lebih 3 rpm pada papan pemuka dan bagi gear empat atau lima juga tidak digalakkan melebihi 3 rpm sementara kelajuan maksimum kekal antara 100 atau 110 kilometer sejam.

Tewaskan 28 peserta dari seluruh negara

Roslan berkata, maklumat itu berdasarkan pengalaman ketika menyertai Volvo Malaysia's Fuelwatch Challenge 2012 apabila beliau berjaya mengalahkan 28 peserta dari seluruh negara dan menjadi juara daripada lima peserta layak ke peringkat akhir.

Pada cabaran peringkat akhir, peserta diberi masa 70 minit untuk

memandu sejauh 50 kilometer dengan membawa bebanan 30 tan.

"Jika satu liter minyak boleh pergi 2.5 kilometer, tetapi pada peringkat akhir itu dengan satu liter minyak saya boleh memandu sejauh 3.03 kilometer. Itu yang membolehkan saya memenangi cabaran peringkat akhir," kata anak kelahiran FELDA Chemomoi, Raub, Pahang itu.

Kemenangan itu membolehkan beliau mewakili Malaysia pada final 2012 Asia Pacific Fuelwatch yang diadakan di Geelong, Australia, pada November tahun lalu. Walaupun hanya menduduki tempat ketiga di belakang peserta China (juara) dan Korea (tempat kedua), namun ia pengalaman berharga buatnya.

Mengaitkan dengan had laju ditetapkan di negara ini dengan teknik penjimatan bahan api, Roslan mengakui itu antara cara penjimatan dan matlamat pihak berkuasa memastikan tahap keselamatan di jalan raya.

Had laju konsisten kawal penggunaan bahan api

Beliau berkata, pemanduan dengan had laju konsisten di jalan lurus cara terbaik untuk mengawal penggunaan bahan api kerana terlalu laju atau terlalu perlahan boleh menyebabkan peningkatan petrol.

"Walaupun cabaran saya serta bertujuan membantu melatih pemandu trak atau lori kontena menjimatkan kos, ia juga sesuai untuk pemandu lain kerana mereka menentukan corak pemanduan.

"Dengan mengekalkan disiplin pemanduan berhemah serta mengikut peraturan had laju ditetapkan, pemandu bukan saja boleh berjimat petrol, malah keselamatan mereka di jalan raya juga terjamin. Ini masih kurang diberi perhatian pemandu kita," katanya.



DR NIK MOHD ZUKI
NIK MOHAMED

nikzukii@ump.edu.my



HASLIZA
HASSAN

hasliza@mediaprima.com.my



Roslan wakil Malaysia ke final 2012 Asia Pacific